

JHEP perkenal kaji selidik kepuasan pelanggan melalui QR-Code

UB 10.5.2018 B2

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Taklimat Memperkenalkan Penggunaan 'QR-Code' untuk kaji selidik kepuasan pelanggan pada 7 Februari 2018 bertempat di Kaunter 'One Stop Centre', JHEP, UMS.

Penggunaan QR-Code ini bertujuan memudahkan mendapatkan maklumbalas terhadap kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh pihak JHEP melalui borang kaji selidik kepuasan pelanggan.

Maklumbalas ini penting untuk menambah baik perkhidmatan yang disediakan oleh pihak JHEP

dari masa ke semasa.

Taklimat ringkas telah disampaikan oleh Penolong Pendaftar Kanan JHEP Alna Tugon.

Turut hadir dalam taklimat berkenaan adalah Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Dr. Ismail Ali, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Ahmadi Nurdin, pegawai-pegawai dan kakitangan JHEP.



SESI bergambar bersama staf JHEP QR Code.